



KENYATAAN MEDIA

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEPUTUSAN RAYUAN LYNAS MALAYSIA SDN BHD

Pada 28 April yang lalu, satu sesi pendengaran telah diadakan bagi mendengar rayuan daripada Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) berhubung keputusan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) yang menolak permohonan Lynas untuk menggugurkan empat syarat lesen yang ditetapkan sebelum ini.

Selepas proses pertimbangan dibuat, saya memutuskan untuk menolak rayuan pengguguran empat syarat lesen tersebut. Namun begitu, mengambil kira kesan keputusan ini terhadap rantaian bekalan nadir bumi di peringkat global, saya bersetuju untuk melanjutkan tempoh operasi kilang *cracking and leaching* (C&L) tersebut sehingga 31 Disember 2023.

Oleh yang demikian, berkuatkuasa 1 Januari 2024, Lynas perlu memastikan loji C&L di luar negara mula beroperasi dan Lynas tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi ke Malaysia.

Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan ekonomi, perlindungan alam sekitar dan kesihatan awam. Berdasarkan Seksyen 32(5), Akta Perlesenan Tenaga Atom, keputusan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad. Kerajaan Malaysia MADANI memahami kepentingan industri nadir bumi dan komited untuk memastikan sebarang urusan perniagaan yang dijalankan berkaitan industri ini tidak memberi

kesan negatif kepada alam sekitar dan penduduk setempat. Justeru, keputusan ini diambil selepas penilaian yang teliti, berlandaskan prinsip kelestarian, pembangunan dan keselamatan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan industri nadir bumi di Malaysia berkembang secara bertanggungjawab dan mematuhi peraturan serta piawaian yang ditetapkan.

YB CHANG LIH KANG

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

8 Mei 2023

LAMPIRAN

Seksyen 32, Akta 304
Akta Perlesenan Tenaga Atom

BAHAGIAN VII RAYUAN

Rayuan.

32. (1) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan pihak berkuasa berkenaan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keputusan itu memberi notis rayuan secara bertulis kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang praktik menyebabkan yang disampaikan kepada perayu notis bertulis menyatakan tarikh, masa dan tempat di mana rayuan itu akan dibicarakan :

Dengan syarat bahawa tarikh yang dinyatakan sedemikian hendaklah bagaimanapun tidak lebih awal daripada tiga puluh hari daripada tarikh penyampaian notis itu.

PERLESENAN TENAGA ATOM

25

(3) Alasan-alasan rayuan hendaklah dihantar kepada Menteri tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pembicaraan rayuan.

(4) Semasa pembicaraan rayuan itu perayu boleh hadir sama ada sendiri atau diwakili oleh peguam dan Menteri boleh meminta apa-apa keterangan yang difikirkannya patut.

(5) Menteri boleh, selepas mendengar rayuan itu, membuat suatu perintah mengesah atau mengeneipkan keputusan pihak berkuasa berkenaan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut, dan perintah Menteri adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada apa-apa rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(6) Semua pihak yang berkenaan hendaklah melaksanakan keputusan Menteri di dalam perkara itu.